



LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR

JABATAN PERDAGANGAN

DPB50163 BUSINESS PROJECT

DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN

TAJUK: APLIKASI POLY 4FESSOR ALERT

DLS5B

NAMA	NO MATRIK
MUHAMMAD FARISZ BIN MOHD FADZIL	10DLS20F1004
SHANMUGILAN A/L MARIAPPAN	10DLS20F1041
MUHAMMAD FAUZI BIN ISMAIL	10DLS20F1046
MUHAMMAD SUPIAN BIN AHMAD TAJUDIN	10DLS20F1040
MUHAMMAD AZMI DANIEL BIN ZAIRAFFI	10DLS20F1044

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1: 2022/2023

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 Business Project, Sesi 1 2022/2023 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi daripada syarat program Diploma Pengurusan Logistik & Rantaian Bekalan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya pihak ini dirujuk sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui :

Ketua Jabatan
Jabatan Perdagangan
Politeknik Seberang Perai,
Jalan Permatang Pauh,
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “Aplikasi Poly 4Fessor Alert” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia : ENCIK GOH WEH SIANG

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Nama Penyelia : PUAN ZUHAIRAH BINTI ABDUL HADI

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan Oleh:






Nama Penyelaras : DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan: 
Nama: MUHAMMAD FARISZ BIN MOHD FADZIL
No. Pendaftaran: 10DLS20F1004
2. Tandatangan: 
Nama: SHANMUGILAN A/L MARIAPPAN
No. Pendaftaran: 10DLS20F1041
3. Tandatangan: 
Nama: MUHAMMAD FAUZI BIN ISMAIL
No. Pendaftaran: 10DLS20F1046
4. Tandatangan: 
Nama: MUHAMMAD SUPIAN BIN AHMAD TAJUDIN
No. Pendaftaran: 10DLS20F1040
5. Tandatangan: 
Nama: MUHAMMAD AZMI DANIEL BIN ZAIRAFFI
No. Pendaftaran: 10DLS20F1044

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bersyukur kami ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan rahmat kurniaNya dapat kami menyiapkan Laporan Akhir dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan dan dari segi bantuan tenaga yang tidak ternilai bagi menyiapkan Projek Akhir dan Laporan Akhir bagi kursus DPB50163 Business Project yang diberi nama Aplikasi Poly 4fessor Alert pada Sesi 1 2022/2023

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Zuhairah binti Abdul Hadi selaku pensyarah kursus dan Encik Goh Wei Siang selaku penyelia projek yang telah memberi banyak bimbingan serta penerangan yang sempurna dan jelas dari awal projek diberikan sehinggalah projek berjaya disiapkan . Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan sepenuhnya kepada kami dalam menyiapkan tugas ini sehingga selesai dengan jayanya.

Akhir sekali, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami serta pihak-pihak yang terlibat dalam menyelesaikan tugas kami ini. Kami berharap agar tugas yang kami lakukan ini dapat meningkatkan pengetahuan kami dan memberi idea untuk terus menghasilkan produk dan servis yang lebih baik pada masa yang akan datang.

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kami menyiapkan Laporan Akhir dengan jayanya. Setinggi – tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan dan bantuan tenaga yang tidak ternilai dalam menyiapkan Projek Akhir dan Laporan Akhir bagi kursus yang diberi nama Aplikasi Poly 4fessor Alert pada sesi 1 2022/2023

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Zuhairah Binti Abdul Hadi selaku pensyarah kursus dan Encik Goh Wei Siang selaku penyelia projek yang telah memberi banyak bimbingan serta penerangan yang sempurna dan jelas dari awal projek diberikan sehinggalah projek berjaya. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan sepenuhnya kepada kami dalam menyiapkan tugas ini sehingga selesai dengan jayanya.

Akhir sekali, kami ucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami serta pihak – pihak yang terlibat untuk menyelesaikan tugas kami ini. Kami berharap agar tugas yang kami lakukan dapat meningkatkan pengetahuan kami dan memberi idea untuk terus menghasilkan produk inovasi yang lebih baik pada masa yang akan datang.

ABSTRAK

Pengenalan - Poly 4fessor Alert adalah sebuah aplikasi membantu para pengguna khususnya pelajar dan pensyarah dalam mengatasi masalah lewat hadir ke kuliah dalam waktu yang ditetapkan. Ia akan dilakukan di Jabatan perdagangan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Selain itu, komunikasi di antara pensyarah kursus dan ketua pelajar bakal berjalan dengan lancar. Sejak kebelakangan ini, banyak laporan diterima oleh para pensyarah berkaitan mengapakah pelajar sering lewat atau tidak hadir ke kelas dengan alasan tidak mendapat maklumat seperti penundaan kelas. Jadi ia bakal mengakibatkan konflik berlaku dan pelajar akhirnya terpaksa tidak dapat menolong mereka untuk memasuki dewan peperiksaan kerana perlu mematuhi syarat yang ditetapkan. Jadi aplikasi ini bakal mengatasi masalah-masalah berkaitan. Para pengguna aplikasi. Perancangan asal Poly 4fessor Alert ini adalah mencari pembangun aplikasi di platform KOMPUTER ataupun ANDROID. Selain itu, modal aplikasi ini adalah anggaran sebanyak RM250.00-RM300.00 mengikut kepada permintaan bayaran daripada pembangun. Seterusnya, aplikasi ini juga memerlukan contoh templat yang bersesuaian dengan tujuan aplikasi supaya mudah digunakan dan menarik. Di samping ini juga bakal mendapat akaun daripada format spmp (system pengurusan maklumat politeknik) yang memudahkan pengguna untuk akses ke dalam aplikasi tersebut. Hasil daripada perancangan, aplikasi ini bakal digunakan oleh seluruh warga politeknik khususnya Seberang Perai dalam memastikan pengurusan masa dapat diatasi dengan baik. Selain itu, mesej automatik untuk notifikasi bakal keluar setiap kali 30 minit sebelum ke kelas. Selain itu, mesej khas untuk wakil kelas dan pensyarah kursus bakal disediakan bagi komunikasi dua hala berjalan dengan lancar. Berharap aplikasi ini bakal membantu para pengguna dari segi pengurusan masa pada masa akan datang.

ABSTRACT

Introduction - Poly 4fessor Alert is an application that helps users, especially students and lecturers, to overcome the problem of being late to lectures in the specified time. It will be done at the Commerce Department, Seberang Perai Polytechnic, Penang. In addition, communication between course lecturers and student leaders will run smoothly. Lately, many reports have been received by lecturers regarding why students are often late or absent from class on the grounds of not getting information such as class postponement. So, it will cause conflicts to occur, and students end up having to be unable to help them enter the examination hall because they have to comply with the conditions set. So, this application will overcome related problems. The users of the application. The original plan of this Poly 4fessor Alert is to find an application developer on the COMPUTER or ANDROID platform. In addition, the capital of this application is estimated at RM250.00-RM300.00 according to the payment request from the developer. Next, this application also needs examples of templates that are suitable for the purpose of the application so that it is easy to use and attractive. In addition to this, you will also get an account from the spmp format (Polytechnic Information Management System) which makes it easier for users to access the application. As a result of planning, this application will be used by all polytechnic residents, especially Seberang Perai, to ensure that time management can be overcome well. In addition, an automatic notification message will be sent out every 30 minutes before class. In addition, special messages for class representatives and course lecturers will be provided for smooth two-way communication. Hope this application will help users in terms of time management in the future.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKASURAT

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR.....	<i>i</i>
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR.....	<i>ii</i>
PERAKUAN PELAJAR.....	<i>iii</i>
RINGKASAN EKSEKUTIF.....	<i>iv</i>
PENGHARGAAN.....	<i>v</i>
ABSTRAK	<i>vi</i>
ABSTRACT.....	<i>vii</i>
RUJUKAN RAJAH.....	<i>xi</i>
RUJUKAN JADUAL	<i>xii</i>
RUJUKAN.....	<i>42</i>

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.....	<i>1</i>
1.2 Latar Belakang Kajian.....	<i>2</i>
1.3 Pernyataan Masalah.....	<i>3</i>
1.4 Objektif Projek	<i>4</i>
1.5 Persoalan Projek	<i>4</i>
1.6 Skop Projek.....	<i>4</i>
1.7 Analisa SWOT.....	<i>5-6</i>
1.8 Kepentingan Projek.....	<i>7</i>
1.9 Definisi Istilah.....	<i>8</i>
1.10 Rumusan.....	<i>9</i>

BAB 2 KAJIAN LAPANGAN

2.1 Pendahuluan.....	<i>10</i>
2.2 Kajian Terdahulu.....	<i>10</i>
2.2.1 keperluan aplikasi.....	<i>10</i>
2.2.2 Keberkesanan Aplikasi.....	<i>11</i>
2.2.3 Aplikasi Penyelesaian Masalah Harian	<i>12</i>
2.3 Rumusan	<i>12</i>

BAB 3 METHODOLOGY

3.1 Pendahuluan.....	<i>13</i>
3.2 Rekabentuk Projek	<i>13-20</i>
3.2.1 Kajian Rintis	<i>20</i>
3.2.2 Maklumbalas kajian rintis	<i>21</i>
3.2.3 Penambakan Produk.....	<i>21</i>
3.3 Kaedah Analisis Data.....	<i>22-23</i>
3.5 Rumusan	<i>23</i>

BAB 4 ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI

4.1 Pendahuluan	24
4.2 Analisis Situasi	24
4.2.1 Analisis Dapatan Soal Selidik Projek Inovasi Dihasilkan.....	24-27
4.2.2 Analisis Dapatan Soal Selidik Selepas Projek Inovasi Dihasilkan.	28-31
4.2.3 Analisis Dapatan Kajian Peringkat Pertama.....	31-32
4.2.4 Analisis Dapatan Kajian Peringkat Kedua.....	32
4.3 Analisis Kewangan	33
4.3.1 Kos penghasilan projek inovasi 40.....	33
4.3.2 Kos penghasilan projek inovasi per unit 41.....	33
4.3.3 Peletakan harga projek inovasi.....	33
4.3.4 Justifikasi kos pelaksanaan projek.....	34
4.4 Impak Projek	34-35
4.5 Pengkomersialan (target pengguna)	36
4.6 Rumusan Bab.....	36

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	37
5.2 Kesimpulan keseluruhan Projek	37-39
5.3 Cadangan Penambahbaikan	40
5.3.1 Cadangan Penambahbaikan Projek Inovasi.....	40
5.3.2 Cadangan Pengkomersialan Projek Inovasi.....	40
5.4 Limitasi Projek	41
5.5 Rumusan Bab.....	41

<u>RUJUKAN</u>	42
-----------------------------	----

LAMPIRAN

Lampiran 1 – Carta Gantt.....	43
-------------------------------	----

RUJUKAN RAJAH

BIL	NAMA RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Analisa SWOT	5
Rajah 3.1	Penggunaan aplikasi wordpress untuk menyiapkan keseluruhan aplikasi	14
Rajah 3.2	Penggunaan webview untuk menukar dari laman web kepada aplikasi	15
Rajah 4.1	Adakah kadangkala anda terlupa tentang jadual kelas yang bakal berlangsung?	24
Rajah 4.2	Adakah anda pernah tersilap bilik kuliah atau jabatan semasa hendak menghadiri kuliah/ mengajar?	24
Rajah 4.3	Tersilap bilik kuliah atau jabatan telah membazirkan masa anda untuk mencari lokasi kuliah yang tepat?	25
Rajah 4.4	Terdapat segelintir pelajar tidak berdisiplin mematuhi jadual waktu kerana tiada sesiapa mengingatkan mereka tentang jadual waktu?	25
Rajah 4.5	Terdapat segelintir pensyarah terlupa mematuhi jadual waktu kerana tiada sesiapa mengingatkan mereka tentang jadual waktu?	26
Rajah 4.6	Penggunaan Aplikasi Poly 4fessor Alert Mengingatkan Anda Tentang Tempat Dan Masa Kuliah Yang Betul?	27
Rajah 4.7	Aplikasi Poly 4fessor Alert Sentiasa Memberi Notifikasi Jelas Dan Mengingatkan Anda Tentang Jadual Waktu?	28
Rajah 4.8	Dengan Menggunakan Aplikasi Poly 4fessor Alert, Anda Tidak Tersalah Bilik Kuliah Atau Jabatan?	28
Rajah 4.9	Aplikasi Poly 4fessor Alert Jelas Dapat Menjimatkan Masa Anda Kerana Tidak Tersalah Pandang Maklumat Dalam Jadual Waktu?	29
Rajah 4.10	Aplikasi Poly 4fessor Alert Jelas Mendisiplinkan Warga Politeknik Seberang Perai Berkenaan Pematuhan Jadual Waktu?	29
Rajah 4.11	Fasa Pertama Penghasilan Aplikasi Poly 4fessor Alert.	31

RUJUKAN JADUAL

BIL	NAMA JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 4.1	Kos penghasilan projek	33
Jadual 4.2	Impak produk terhadap masa .	34
Jadual 4.3	Impak terhadap keberkesanan penggunaan produk	35
Jadual 5.1	Analisis SWOT	38

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian dan skop projek. Dalam bab ini juga akan menerangkan atau membincangkan tentang Poly 4fessor Alert. Aplikasi ini bakal dijalankan dan digunakan oleh semua warga Politeknik seberang Perai dalam memudahkan urusan kuliah.

Selain itu, aplikasi ini bakal membantu sepenuhnya pelajar dan juga pensyarah dalam memastikan berlaku komunikasi yang begitu pantas dari segi waktu hadir ke kelas dan mengurangkan kelewatan pensyarah datang ke kuliah untuk mengajar para pelajar. Ini kerana, para pelajar atau pensyarah sering lewat datang ke kelas mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan. Justeru itu, aplikasi ini amat penting dari segi pengurusan masa dan mengelakkan berlakunya kelas ditunda di saat-saat akhir yang mengankibatkan konflik di antara pelajar yang sudah datang ke institusi pengajian.

Seterusnya, aplikasi ini bakal mewujudkan satu percakapan yang lebih baik di antara wakil kelas dengan pensyarah kursus masing-masing. Ini berlaku kerana, komunikasi amat penting dalam memastikan segala info yang penting dapat diterima oleh semua pelajar dan kebanyakannya di platform media sosial yang terlalu banyak sembang dalam kumpulan “Whatapps” telah membuatkan para pelajar tidak dapat info yang penting daripada pensyarah kursus dan akhirnya berlaku konflik seperti tidak membuat penilaian berterusan pada waktu yang ditetapkan oleh para pensyarah.

Justeru itu, aplikasi ini bakal mengubah sepenuhnya dari segi pengurusan masa dan semua informasi diterima oleh semua pelajar dan berharap dengan wujudnya alat ini memberi manfaat kepada seluruh warga institusi pengajian kelak.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembinaan jadual waktu kelas ini amat penting kerana ia adalah satu perkara memastikan bahawa pensyarah-pensyarah lain tidak bertembung dalam satu kelas yang sama, dan memastikan pensyarah tidak mempunyai terlalu banyak kelas yang lebih dari mencukupi. Jadual kelas juga dapat memastikan pelajar menghadiri kelas yang akan diadakan pada waktu-waktu yang tertentu, tetapi jadual kelas ini juga boleh menimbulkan masalah-masalah yang kritikal, sebagai contoh apabila jumlah pensyarah yang sedikit, pembahagian mata pelajaran akan menjadi tidak seimbang.

Disiplin juga memainkan peranan yang penting ke arah pembentukan sahsiah para pelajar dan pensyarah, iaitu salah satu komponen penting dalam sistem pengajian yang berkait rapat berkenaan tatatertib, tatasusila, kelakuan, akhlak dan kesopanan. Selain itu, disiplin juga adalah latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh kepada tatatertib (Noraini Zulkifli, 2010). Disamping itu juga, disiplin pelajar dan pensyarah memainkan peranan yang penting untuk memastikan jadual kelas berjalan dengan lancar supaya tidak berlakunya sebarang masalah. Sebagai contoh, masalah yang sering terjadi adalah pensyarah terlepas kelas yang sudah ditetapkan oleh jadual waktu. Akan tetapi, masalah ini boleh dielakkan jika pelajar mengingatkan para pensyarah tentang waktu kelas yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu yang disahkan oleh pihak atasan.

Kebanyakannya, masih terdapat lagi Politeknik dan Kolej pengajian yang tidak menggunakan sistem berkomputer untuk menguruskan data-data dan maklumat berkaitan dengan jadual kelas yang dimiliki di dalam institusi mereka. Dengan adanya sistem teknologi ini, masalah-masalah berkaitan pensyarah lambat datang ke kelas, terlupa waktu kelas yang akan dihadapi, dan pelajar yang tidak mengingatkan pensyarah tentang jadual kelas ini dapat diselesaikan dengan menggunakan teknologi ini. Dengan menggunakan aplikasi ini, ia dapat mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar. Selain itu, aplikasi ini juga dapat mengubah cara-cara para pensyarah dan pelajar melakukan kerja mereka dengan cara yang lebih cekap dan efisien.

Oleh sebab itu, ia amat penting bagi pensyarah menggunakan sistem pengurusan maklumat dan jadual kelas yang lebih moden dan sistematik bagi memastikan kerja mereka dilakukan dengan lebih cekap

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Dalam era permodenan kini, aplikasi notifikasi jadual waktu amat diperlukan oleh para pelajar dan pensyarah di institusi pengajian tinggi. Tujuan para pelajar dan pensyarah memerlukan aplikasi notifikasi jadual waktu ini adalah untuk menjimatkan masa, mengikut kelas dan jabatan yang telah ditetapkan, dan mendapat notifikasi tentang kelas yang bakal berlangsung. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh para pelajar dan pensyarah apabila menggunakan sistem jadual secara manual.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar dan pensyarah ialah:

1. Para pensyarah terlepas pandang mengenai jadual kelas yang bakal berlangsung.
2. Para pelajar tidak mengingatkan pensyarah tentang jadual kelas.
3. Para pensyarah atau pelajar sentiasa tersalah bilik kuliah atau jabatan yang telah ditetapkan.
4. Melambatkan dan memakan masa pensyarah dan pelajar jika tersalah bilik kuliah.
5. kebanyakan pelajar akan keliru samaada kelas dibatalkan atau tidak kerana tiada notifikasi pada telefon bimbit.
6. Terdapat segelintir pelajar yang kurang berdisiplin mengenai pematuhan jadual waktu yang telah ditetapkan.

Penggunaan sistem jadual waktu secara manual sering menyebabkan para pelajar dan pensyarah terlupa untuk sentiasa menepati waktu dan tempat pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Politeknik Seberang Perai, alasannya adalah kedua-dua pihak tersebut terlalu sibuk dengan kerja mereka. Selain itu, berlaku pembaziran masa apabila mereka tersalah pandang tentang maklumat yang terdapat dalam jadual waktu secara manual tersebut. Menyedari permasalahan ini, maka sebagai pengkaji telah merekabentuk dan membangunkan sebuah sistem aplikasi notifikasi jadual waktu yang dinamakan sebagai "Poly 4fessor Alert". Aplikasi ini mampu memberikan penyelesaian dalam menguruskan hal-hal berkaitan dengan penghuni Politeknik Seberang Perai untuk sentiasa berdisiplin mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan.

1.4 OBJEKTIF PROJEK/KAJIAN

- Mendidik para pelajar dan pensyarah untuk menghadiri kelas pada waktu telah ditetapkan tanpa memberi alasan tidak munasabah
- Memupuk kesedaran bagi para pensyarah dan pelajar dari segi penyediaan awal bagi mengelakkan kelewatan kelas pada waktu yang telah ditetapkan.

1.5 PERSOALAN PROJEK

- Bagaimanakah aplikasi Poly 4fessor Alert dapat mendidik pelajar untuk menghadiri kelas pada waktu telah ditetapkan tanpa memberi alasan masa?
- Bagaimanakah aplikasi Poly 4fessor Alert boleh memupuk kesedaran dari segi penyediaan awal bagi mengelakkan kelewatan datang ke kelas pada waktu yang telah ditetapkan?

1.6 SKOP PROJEK

Skop ini menitikberatkan penjadualan kelas kepada para pensyarah dan pelajar Politeknik Seberang Perai yang menghadapi masalah dalam peringatan jadual waktu kelas dan kesilapan bilik kuliah. Sistem ini dibangunkan adalah bertujuan untuk memudahkan para pensyarah dan pelajar Politeknik Seberang Perai untuk lebih peka terhadap jadual waktu kelas dan mengetahui lokasi bilik kuliah yang bakal berlangsung.

1.7 ANALISA SWOT

SWOT Analysis	
<p>Strengths (Kekuatan)</p> <ul style="list-style-type: none">• Dapat membantu pelajar dan pensyarah dalam mengingati penjadualan kelas yang akan berlangsung• Dapat memberitahu para pelajar dan pensyarah di mana tempat perjumpaan atau bilik kuliah.• Dapat memupuk masalah disiplin pelajar agar tidak lewat ke kuliah .	<p>Weaknesses (Kelemahan)</p> <ul style="list-style-type: none">• Menyukarkan notifikasi sampai kepada telefon bimbit pengguna sekiranya bateri telefon bimbit telah kehabisan bateri.• Pengguna juga perlu mengakses kepada rangkaian internet untuk menggunakan aplikasi ini.
<p>Opportunities (Peluang)</p> <ul style="list-style-type: none">• Dapat membantu para pelajar dari segi disiplin dan tidak lewat hadir ke kuliah.• Dapat membantu pensyarah untuk tidak mengagalkan para pelajar disebabkan ketidakhadiran ke kuliah .	<p>Threats (Ancaman)</p> <ul style="list-style-type: none">• Hanya boleh didapati melalui fail APK dan tidak boleh dimiliki melalui PlayStore dan Apple Store.• Aplikasi ini boleh digodamkan oleh hacker kerana aplikasi ini tidak diiktirafkan oleh google PlayStore dan Apple Store.

Rajah 1.1 Analisa Swot

Strengths (Kekuatan)

Kekuatan aplikasi ini adalah dapat membantu para pelajar dan pensyarah dalam mengingati penjadualan kelas yang akan berlangsung dan dapat memberitahu di mana bilik kuliah atau tempat perjumpaan. Selain itu, aplikasi ini juga dapat memberikan notifikasi kepada pelajar dan pensyarah untuk hadirkan diri sekurang-kurangnya 30 minit awal sebelum kuliah bermula.

Weaknesses (Kelemahan)

Kelemahan aplikasi ini adalah ianya akan menyukarkan notifikasi sampai kepada telefon bimbit pengguna sekiranya bateri telefon bimbit telah kehabisan dan aplikasi ini juga adalah perlu mengakses kepada rangkaian internet untuk digunakan dan sekiranya tidak mempunyai rangkaian internet aplikasi ini tidak dapat berfungsi .

Opportunities (Peluang)

Peluang aplikasi ini adalah ianya dapat membantu para pensyarah untuk tidak mengagalkan pelajar sebab ketidakhadiran ke kuliah. Selain itu, aplikasi ini juga adalah untuk menggalakan para pelajar hadir ke bilik kuliah lebih awal .

Threats (Ancaman)

Ancaman aplikasi ini adalah ianya hanya boleh didapati melalui fall APK dan tidak boleh dimiliki melalui PlayStore dan Apple Store. Seterusnya, aplikasi ini juga boleh digodamkan oleh hacker kerana aplikasi ini tidak diiktirafkan oleh google PlayStore dan Apple Store

1.8 PROJECT SIGNIFICANT / KEPENTINGAN PROJEK

1.8.1 Kepentingan kepada pelajar:

Aplikasi sistem jadual waktu yang diberi nama Poly 4fessor Alert ini amat penting kepada para pelajar kerana ia merupakan projek untuk mendisiplinkan para pelajar agar sentiasa mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan. Hal ini kerana aplikasi ini dapat memberikan notifikasi dan maklumat tentang jadual waktu sama ada kuliah akan tetap dilaksanakan seperti biasa, kuliah dibatalkan, atau pensyarah ingin mengubah waktu dan tempat kuliah. Dengan adanya aplikasi ini, segala maklumat dapat difahami dengan sangat jelas dan para pelajar tiada alasan untuk ponteng kelas dengan sengaja atau tanpa sebab yang munasabah.

1.8.2 Kepentingan kepada pensyarah:

Aplikasi Poly 4fessor Alert ini juga amat penting kepada tenaga pengajar iaitu para pensyarah. Aplikasi ini dapat mengingatkan para pensyarah tentang tempat dan masa kuliah yang betul seperti yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan. Selain itu, pensyarah juga boleh menggunakan aplikasi ini untuk mengubah masa dan tempat kuliah yang diinginkan atau menambah sebarang maklumat berkaitan jadual kuliah. Apa-apa perubahan dan penambahan tersebut akan terus disampaikan kepada para pelajar kerana mereka akan mendapat notifikasi yang jelas. Dengan menggunakan aplikasi ini, para pensyarah juga akan sentiasa mematuhi jadual waktu dan tidak akan berlaku salah faham dengan pelajaranya berkaitan maklumat dalam jadual waktu.

1.8.3 Kepentingan kepada pihak pengurusan:

Pihak pengurusan Politeknik Seberang Perai juga perlu menggunakan aplikasi Poly 4fessor Alert ini jika mahu merombak semula, mengubah atau menambah sebarang maklumat yang penting dalam jadual waktu. Dengan adanya aplikasi ini, maklumat jadual waktu tersebut akan disampaikan terus kepada para pelajar dan pensyarah dengan lebih sistematik dan efisien. Hal ini dapat memudahkan pihak pengurusan mengemaskini jadual waktu apabila terdapat pertukaran pensyarah di politeknik atau disebabkan masalah lain.

1.9 DEFINISI OPERASI

2. Pengguna

Definisi Pengguna berdasarkan Kamus Pelajar Edisi Kedua adalah orang yang menggunakan sesuatu; pengambil faedah daripada sesuatu benda.

Dari konteks projek ini, pengguna ini dimaksudkan sebagai pensyarah dan pelajar yang menggunakan aplikasi ini untuk memudahkan kerja mereka.

3. Jadual

Definisi Jadual berdasarkan Kamus Pelajar Edisi Kedua adalah susunan acara mengikut masa yang ditentukan, contohnya, “Mengikutnya, perbarisan itu akan dimulakan pada pukul 8.00 pagi.” Waktu susunan perkara (pelajaran di sekolah) mengikut waktunya.

Dari konteks projek ini, jadual ini dimaksudkan sebagai panduan bagi para pensyarah dan pelajar tentang kelas yang akan berlangsung untuk mengelakkan sebarang kekeliruan atau masalah

4. Aplikasi

Definisi Aplikasi berdasarkan Kamus Pelajar Edisi Kedua adalah 1 kegunaan (pada praktiknya). 2 atur cara atau program komputer yang direka khusus untuk kegunaan tertentu.

Dari konteks projek ini, aplikasi ini dimaksudkan sebagai aplikasi ‘Poly 4fessor Alert’ yang dicipta khusus untuk memajukan sistem jadual waktu yang tidak berdigital.

5. Poly 4fessor Alert

Dari konteks projek ini, Poly 4fessor Alert ini dimaksudkan sebagai aplikasi yang khusus untuk Politeknik Seberang Perai yang disingkatkan kepada ‘Poly’. Seterusnya untuk ‘4fessor’, ia dimaksudkan sebagai salah satu pengguna aplikasi ini iaitu pensyarah yang dijadikan sebagai pengguna utama untuk aplikasi ini dan untuk ‘Alert’ itu dimaksudkan sebagai amaran notifikasi untuk jadual kelas yang akan berlangsung

1.10 RUMUSAN

Aplikasi ini banyak membantu para pengguna dalam menyelesaikan masalah-masalah kelewatan masuk ke kuliah dengan alasan yang tidak munasabah dan harapan pelaksanaan aplikasi ini bakal membantu secara keseluruhan supaya tidak berlaku sebarang konflik pada masa akan datang.

BAB 2

KAJIAN LAPANGAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bakal meninjau keperluan aplikasi dibangunkan berdasarkan isu-isu yang berkaitan dengan masalah-masalah yang berlaku di institusi pengajian tinggi awam yang melibatkan para pelajar di Politeknik Seberang Perai. Selain itu, keberkesanan aplikasi akan juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

2.2 KAJIAN TERDAHULU

2.2.1 Keperluan Aplikasi

Berdasarkan kajian yang dibuat melalui internet(kosmo)Nia Amira Najwa Azmi 10 disember 2021, aplikasi ini amatlah membantu dari segi meringankan beban di keseluruhan penduduk. Sebagai contoh Mysaman telah membantu keseluruhan rakyat Malaysia dari segi pembayaran saman secara dalam talian tanpa perlu beratur panjang di cawangan-cawangan polis yang berdekatan. Ini juga bakal mengurangkan komen yang negatif terhadap kerajaan di mana perlu membuka lebih dari satu kaunter di bangunan kerajaan berdekatan. Selain itu,kaji selidik dibuat terhadap 10 pelajar politeknik, kebanyakan mereka memberi ulasan inovasi berterusan terhadap aplikasi ini juga bakal membantu secara keseluruhan warga pensyarah dan politeknik seperti aplikasi kehadiran peperiksaan yang membantu pensyarah untuk mengenal pasti siapa yang menghadiri dewan peperiksaan tanpa perlu menghantar kehadiran pelajar .

2.2.2 Keberkesanan Aplikasi

Berdasarkan penggunaan aplikasi melibatkan para pelajar dan pensyarah, mereka boleh meningkatkan ilmu pengetahuan dalam teknologi maklumat dengan cara berhemah dan tidak memikirkan bahawa aplikasi diwujudkan bukan semata-mata untuk bermain permainan video sahaja akan tetapi boleh digunakan sebagai penyelesaian terhadap masalah dihadapi dalam kehidupan seharian.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian yang dibuat, para pelajar terlepas atau terlambat menghadiri kuliah. Ini berlaku kerana disebabkan pelajar tidak mengambil pemerhatian secara teliti dalam jadual waktu yang telah ditetapkan sebelum semester baharu bermula. Dengan wujudnya aplikasi ini para pelajar dan pensyarah tidak lagi terlepas waktu kerana aplikasi ini telah menghantar notifikasi supaya tidak berlaku sebarang isu-isu yang akhirnya mereka gagal dalam subjek yang diambil kerana tidak menghadiri mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh seluruh politeknik di seluruh Malaysia iaitu 80 peratus dan ke atas kehadiran untuk syarat sah boleh menduduki penilaian akhir.

Pada era globalisasi ini, kebanyakan maklumat daripada para pensyarah tidak sampai secara langsung, Melalui aplikasi ini kesemua masalah seperti komunikasi tidak sampai secara menerus akan diselesaikan sepenuhnya walaupun aplikasi ini bakal mempunyai saingan seperti aplikasi whatsapp yang mempunyai fungsi yang amat baik untuk segala arahan, maklumat akan disampaikan secara langsung. Walaubagaimanapun, aplikasi ini akan lebih mudah mendapat maklumat.

Akhirnya, aplikasi amatlah penting dalam mengurangkan beban dalam kehidupan seharian serta mengelakkan sebarang konflik masih berlaku secara berterusan.

2.2.3 Aplikasi Penyelesaian Masalah Harian

Sejak kebelakangan ini, pelbagai aplikasi muncul di aplikasi “Play Store” dan “Apple Store” yang menjadi penyelesaian masalah demi masalah yang dihadapi oleh kesemua rakyat terutamanya di dalam negara. Aplikasi yang sering digunakan yang dijadikan sebagai penanda aras yang cukup adalah Mysejahtera iaitu telah memudahkan para barisan hadapan untuk mengurangkan pesakit yang hadir ke fasiliti kesihatan berdekatan untuk melihat status covid sama ada mereka positif dan negatif. Aplikasi ini telah membantu secara keseluruhan kerana hanya perlu menangkap gambar hasil test kit. Jika dijangkiti harus mendapatkan rawatan dan kuarantin harus bermula pada waktu tersebut bagi mengelakkan jangkitan.

Hasil Dari kajian secara menerusi, Mysejahtera membantu dari segi melihat data pesakit positif secara lebih terperinci dan akhirnya membuatkan negara kita sudah memasuki kerana kecekapan dan terlalu efisien sehingga dapat menurunkan masalah yang dihadapi oleh negara sejak mac 2020. Jadi, aplikasi adalah penyelesai kepada masalah harian.

Akhirnya, Mysejahtera boleh dikaitkan dengan “Poly 4 Fessor Alert” kerana ia turut membantu dari segi maklumat menerusi aplikasi yang dibangunkan untuk seluruh warga politeknik terutamanya para pelajar dan pensyarah.

2.3 RUMUSAN

Secara keseluruhannya bab dua telah membincangkan keperluan aplikasi terhadap masalah harian, keberkesanan aplikasi dalam memupuk disiplin dan maklumat yang tepat dan Aplikasi penyelesaian masalah harian yang akhirnya dapat memastikan kesemua konflik yang berlaku sejak sekian lama dapat dikurangkan serta merta.

BAB 3

METHODOLOGY

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat produk dalam penghasilan Aplikasi yang membantu para pengguna khususnya pelajar dan pensyarah dalam mengatasi masalah lewat hadir ke kuliah dalam waktu yang ditetapkan . Dalam bab ini juga terdapat penerangan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Segala persoalan yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah juga disenaraikan pada bahagian kaedah analisa data.

Selain itu, pada bahagian reka bentuk projek akan dijelaskan tentang sistem yang diperlukan bagi menghasilkan Aplikasi Poly 4 Fessor Alert. Kemudian dalam bab ini juga terdapat penjelasan tentang penggunaan aplikasi ini. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan tentang penambahbaikan projek , kajian rintis, maklum balas kajian rintis dan banyak lagi.

3.2 REKABENTUK PROJEK

“Poly 4 Fessor Alert App’ ialah satu aplikasi yang dihasilkan untuk memudahkan para pelajar dan pensyarah melihat jadual kuliah kelas masing-masing. Warga Politeknik Seberang Perai sering menghadapi masalah dari segi kelewatan hadir ke kelas kerana tidak melihat jadual waktu secara teliti. Dengan adanya aplikasi “Poly 4 Fessor Alert” ia dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi dan sekaligus dapat mengurangkan masalah disiplin yang sering berlaku terhadap para pensyarah dan pelajar . Dengan penggunaan aplikasi Poly 4 Fessor, Politeknik Seberang Perai akan mengurangkan masalah kehadiran hadir ke kuliah dan seterusnya mengangkat politeknik sebagai salah satu institusi pengajian paling berjaya di Malaysia kelak. Perkakasan dan perisian yang digunakan untuk menghasilkan aplikasi Poly 4 Fessor Alert adalah seperti berikut.


- i. Perisian menggunakan website platform Wordpress
- ii. Menggunakan webview untuk menukar dari laman web kepada aplikasi

PROSES PEMBANGUNAN APLIKASI INOVASI

Wordpress

Wordpress adalah platform yang digunakan untuk membangun aplikasi Poly 4 Fessor Alert dari awal proyek dilaksanakan. antara proses yang dilaksanakan seperti berikut:

- i. menentukan objektif
- ii. reka bentuk susun atur web
- iii. ujian
- iv. menyemak reka bentuk web
- v. ujian
- vi. semakan
- vii. menerbitkan




Rajah 3.1 Penggunaan aplikasi Wordpress untuk menyiapkan keseluruhan apps

Webview

Webview digunakan untuk menukar pembangunan platform daripada laman web bagi memastikan penggunaan android dapat digunakan apabila aplikasi ini telah disiapkan sepenuhnya. Antara proses yang dilakukan ialah:

- i. Menggunakan modul Webview di android studio
- ii. Menguji menggunakan peranti sebenar
- iii. semakan
- iv. sedia untuk dipasarkan kepada apk




Rajah 3.2 penggunaan Webview untuk menukar dari laman web kepada aplikasi

PROSES MENGGUNAKAN APLIKASI


Proses aplikasi Poly 4 Fessor dibuat bagi membantu para pengguna untuk menggunakan aplikasi dengan baik. Merujuk gambar di bawah adalah penggunaan aplikasi bagi Poly 4 Fessor Alert.

LANGKAH 1




Untuk pengguna baru, klik sign up untuk daftar diri dalam aplikasi.

LANGKAH 2




Setelah sign up, pengguna boleh pilih option sama ada pelajar atau pensyarah.

LANGKAH 3




Pengguna baru kena klik bahagian Maklumat Peribadi.

LANGKAH 4



Selepas klik bahagian Maklumat Peribadi, klik bahagian Daftar.


LANGKAH 5



A screenshot of a mobile application registration form. The form contains several input fields: 'ID', 'Nama Penuh*', 'Jabatan*', 'Kelas*', 'Semester*', and 'No. Matrik*'. A green arrow points to the 'Nama Penuh*' field. Below the form, there is a text overlay: 'isi semua maklumat..' and a timestamp '09:34'.

Setelah klik bahagian Daftar, isi semua maklumat.


LANGKAH 6



A screenshot of a mobile application 'Personal detail details' form. The form is filled with the following information: 'ID' is '11', 'Nama Penuh*' is 'doctor strange', 'Jabatan*' is 'Perdagangan', 'Kelas*' is 'AMRI BIN SULONG', 'Semester*' is '1 2022/23', and 'No. Matrik*' is 'aaa1'. A green arrow points to the 'Kelas*' dropdown menu. Below the form, there is a text overlay: 'Untuk pensyarah, pilih kelas tu ikut nama dia..' and a timestamp '09:34'.

Bagi pensyarah, mereka boleh pilih kelas mengikut nama mereka.


LANGKAH 7



Unit Code	Starts	Ends
DPD40113(L) DIB4A(B)	09:00:00	10:00:00
DPD40113(L) DIB4A(B)	10:00:00	11:00:00
PA/EKSA(O) DIB1A	13:00:00	14:00:00
DPD30073(L) DIB3A(B)	14:00:00	15:00:00

Seterusnya, pensyarah boleh menyemak jadual-jadual mengikut kelas dan juga masa.


LANGKAH 8



Notis	Jabatan	Kelas	Sesi	Tarikh	
<input type="checkbox"/>	kelas cancel	Perdagangan	DAT1A	1 2022/23	11/22

Selanjutnya, pensyarah juga boleh rujuk bahagian Notices untuk menyampaikan maklumat-maklumat seperti penangguhan kelas dan benda-benda yang terpenting.

LANGKAH 9



Hanya pensyarah sahaja boleh keluarkan notis baru.

3.2.1 KAJIAN RINTIS

Aplikasi Poly 4fessor Alert ini telah dibangunkan mengikut keperluan Politeknik Seberang Perai dan dari hasil temubual dengan pihak pengurus jadual waktu, 5 orang pensyarah dan 15 orang pelajar kampus tersebut. Aplikasi ini kemudiannya diujilari di kampus tersebut. Seramai 21 responden termasuk pihak pengurus jadual waktu mengambil bahagian dalam ujilari ini.

3.2.2 MAKLUMBALAS KAJIAN RINTIS

Borang soal selidik dalam talian digunakan untuk mendapatkan maklumbalas kajian rintis ini. Hasil dapatan dari maklum balas menunjukkan hampir keseluruhan responden menyatakan aplikasi ini amat berkesan dan amat memuaskan. Secara kesimpulannya, tiada sebarang penambahbaikan perlu dibuat untuk aplikasi ini kerana responden telah menyatakan bahawa sistem sedia ada jelas dapat mendisiplinkan para pelajar dan pensyarah mengenai pematuhan jadual waktu di Politeknik Seberang Perai. Selain itu, para responden juga tidak memberi sebarang cadangan penambahbaikan dan perkara ini menunjukkan bahawa aplikasi ini amat bermanfaat.

3.2. PENAMBAIKAN PRODUK

Sebelum terhasilnya aplikasi Poly 4fessor Alert ini, para pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai sering terlupa tentang jadual waktu kelas dan tempat perjumpaan kuliah. Pada zaman teknologi yang sebegini, dengan adanya aplikasi Poly 4fessor Alert iannya akan lebih membantu para pelajar dan pensyarah dalam untuk mengingati jadual kelas dan tempat perjumpaan (bilik kuliah). Selain itu, aplikasi Poly 4fessor Alert ini juga mempunyai banyak keistimewaannya. Antaranya, iannya mempunyai sistem alarm notifikasi untuk mengingatkan kepada para pelajar dan pensyarah tentang kelas yang bakal berlangsung. Dengan adanya sistem alarm ini pelajar dan pensyarah akan lebih sentiasa peka kerana notifikasi akan diberikan sebelum kelas bermula. Malah aplikasi ini juga disenaraikan jadual kelas dan jadual peperiksaan bagi memudahkan urusan para pelajar dan pensyarah. Seterusnya, di dalam aplikasi ini juga hanya para pensyarah sahaja yang boleh mengeluarkan notis kepada pelajar. Contohnya, notis seperti kelas dibatalkan ataupun latihan kerja yang akan diberikan kepada pelajar untuk dilakukan. Selain itu, aplikasi ini juga boleh diakses di mana-mana sahaja dengan sokongan rangkaian internet.

3.3 KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini akan dijalankan untuk menilai keberkesanan aplikasi yang dibangunkan iaitu yang pertama dengan mengedarkan soal kaji selidik melalui kaedah Google Form kepada pelajar dan pensyarah yang terlibat dengan penggunaan aplikasi Poly 4fessor Alert semasa proses kajian keberkesanan aplikasi ini. Kaji selidik ini berlangsung selama seminggu dengan mengedarkan soal kaji selidik yang sama iaitu perlu diisi oleh pelajar dan pensyarah bagi. Statistik data daripada soal kaji selidik akan dikumpul dan disenaraikan di jadual (rujukan di bawah) yang disediakan mengikut hari/minggu. Kajian ini akan membantu untuk membuat kesimpulan tentang keberkesanan penggunaan aplikasi Poly4Fessor Alert.

Keberkesanan aplikasi ini juga dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT analisis projek ini. SWOT analisis dijalankan bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman aplikasi ini. Hasil SWOT analisis adalah seperti di bawah :

SWOT Analisis

Strength (Kekuatan)

Kekuatan aplikasi ini adalah dapat membantu para pelajar dan pensyarah dalam mengingati penjadualan kelas yang akan berlangsung dan memberitahu tempat perjumpaan.

Contohnya : Pelajar dan pensyarah akan mendapat notifikasi melalui aplikasi sebelum kelas bermula.

Weaknesses (Kelemahan)

Kelemahan aplikasi ini adalah ianya akan menyukarkan notifikasi sampai kepada telefon bimbit pengguna sekiranya bateri telefon bimbit telah kehabisan.

Contohnya : Para pelajar dan pensyarah tidak akan mendapat sebarang notifikasi tentang penjadualan kelas sekiranya bateri telefon bimbit kehabisan.

Opportunities (Peluang)

Peluang aplikasi ini adalah hanya dapat membantu para pelajar dari segi disiplin dan tidak lewat hadir ke kuliah.

Contohnya : Para pelajar perlu menghadiri ke kuliah sekurang-kurangnya 30 minit sebelum kuliah bermula.

Threats (Ancaman)

Ancaman aplikasi ini adalah penggodam boleh menggodam maklumat kerana aplikasi ini tidak dilancarkan kepada apps playstore.

Contohnya : Maklumat seperti data-data penting bagi kelas yang membuatkan pelajar berada keadaan yang tidak selamat untuk belajar

3.5 RUMUSAN

Kesimpulannya, pada bab ini lebih menfokuskan reka bentuk produk, proses-proses pembangunan produk, kajian rintis, penambahbaikan produk, analisis keberkesanan produk serta kos-kos yang terlibat dalam penghasilan produk ini. Selain itu, pada bab ini juga, kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan produk ini diterima oleh para pengguna. Terdapat tiga perkara yang perlu dianalisis dengan tepat untuk mengetahui kos pembuatan dan keuntungan aplikasi. Akhir sekali, kami juga telah mensasarkan pengguna aplikasi kami yang terdiri daripada para pelajar dan pensyarah yang tinggal di kawasan Politeknik Seberang Perai.

BAB 4

ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI

4.1 PENDAHULUAN


Bab ini membincangkan mengenai analisis dapatan dari kajian peringkat pertama dan analisis dapatan kajian kedua. Dapatan dari keseluruhan dan analisis dibentangkan dalam bentuk jadual, rajah dan pernyataan bagi membolehkan penemuan penting dalam inovasi yang dikemukakan. Bab ini telah disusun mengikut hierarki persoalan kajian bagi menunjukkan bahawa semua persoalan telah dijawab. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan mengenai impak projek inovasi dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan.

4.2 ANALISIS SITUASI

Projek yang telah dijalankan ini melibatkan beberapa tingkat analisis. Sebelum ke peringkat analisis, dapatan diperolehi berdasarkan analisis dapatan soal selidik sebelum dan selepas projek inovasi dihasilkan. Seterusnya, peringkat analisis yang terlibat ialah analisis dapatan kajian peringkat pertama yang melibatkan proses fasa pertama iaitu peningkatan aplikasi inovasi manakala peringkat kedua yang melibatkan fasa kedua iaitu pemurnian ke atas aplikasi inovasi yang dihasilkan.

4.2.1 ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK PROJEK INOVASI DIHASILKAN

Berikut merupakan hasil dapatan soal selidik dengan mengedarkan borang soal selidik kepada para pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai sebelum aplikasi Poly 4fessor Alert dihasilkan dan diguna pakai.



Rajah 4.1: adakah kadangkala anda terlupa tentang jadual kelas yang bakal berlangsung?



Rajah 4.2: adakah anda pernah tersilap bilik kuliah atau jabatan semasa hendak menghadiri kuliah/ mengajar?



Rajah 4.3: tersilap bilik kuliah atau jabatan telah membazirkan masa anda untuk mencari lokasi kuliah yang tepat?



Rajah 4.4: terdapat segelintir pelajar tidak berdisiplin mematuhi jadual waktu kerana tiada sesiapa mengingatkan mereka tentang jadual waktu?




Rajah 4.5: Terdapat segelintir pensyarah terlupa mematuhi jadual waktu kerana tiada sesiapa mengingatkan mereka tentang jadual waktu?

Secara keseluruhannya, hasil dapatan pengkaji responden iaitu pelanggan pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai bersetuju dengan persoalan soal selidik yang telah dikemukakan. Permasalahan yang utama yang boleh didapati iaitu terdapat segelintir pelajar dan pensyarah tidak berdisiplin mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan dan kadang-kadang mereka tersilap pandang maklumat dalam jadual waktu seperti masa dan tempat kuliah yang betul. Pelajar dan pensyarah politeknik telah bersetuju bahawa aplikasi notifikasi jadual waktu dapat mengingatkan mereka agar terus berdisiplin mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan kampus.

4.2.2 ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK SELEPAS PROJEK INOVASI

DIHASILKAN.


Berikut merupakan dapatan soal selidik bersama pelanggan pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai selepas projek inovasi aplikasi Poly 4fessor Alert dihasilkan dan diguna pakai.



Rajah 4.6: penggunaan aplikasi Poly 4fessor Alert mengingatkan anda tentang tempat dan masa kuliah yang betul?



Rajah 4.7: aplikasi Poly 4fessor Alert sentiasa memberi notifikasi jelas dan mengingatkan anda tentang jadual waktu?



Rajah 4.8: Dengan menggunakan aplikasi Poly 4fessor Alert, anda tidak tersalah bilik kuliah atau jabatan?



Rajah 4.9: aplikasi Poly 4fessor Alert jelas dapat menjimatkan masa anda kerana tidak tersalah pandang maklumat dalam jadual waktu?



Rajah 4.10: aplikasi Poly 4fessor Alert jelas mendisiplinkan warga Politeknik Seberang Perai berkenaan pematuhan jadual waktu?

Hasil dapatan dengan mengemukakan soal selidik kepada responden dalam keberkesanan aplikasi Poly 4fessor Alert mendapati pelajar dan pensyarah bersetuju tentang penggunaan aplikasi ini. Aplikasi ini merupakan satu inovasi untuk pelajar dan pensyarah mendapat notifikasi telefon bimbit tentang jadual waktu dan sekaligus mendisiplinkan para mereka agar sentiasa mematuhi jadual waktu. kebanyakan responden sangat berpuas hati di atas inovasi yang dihasilkan bagi membantu melancarkan pematuhan jadual waktu dalam kalangan warga Politeknik Seberang Perai.

4.2.3 ANALISIS DAPATAN KAJIAN PERINGKAT PERTAMA

Sebelum aplikasi Poly 4fessor Alert diwujudkan, sesetengah pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai kurang berdisiplin mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan. Selain itu, pelajar dan pensyarah juga kadang-kadang tersalah pandang maklumat dalam jadual waktu, dan perkara ini telah membazirkan masa mereka untuk mencari tempat kuliah yang tepat. Selepas wujudnya aplikasi Poly 4fessor Alert, pelajar dan pensyarah sentiasa mendapat notifikasi tentang kelas yang bakal berlangsung dan berdisiplin mematuhi jadual waktu. Disamping itu, projek aplikasi Poly 4fessor Alert yang dibangunkan ini mempunyai banyak kelebihan. Walaupun pada masa awal pembangunan aplikasi ini mempunyai kekurangan dan kelemahan tetapi berjaya membaikinya menjadi satu aplikasi yang lebih baik. Kesimpulan yang boleh dibuat, pengkaji melihat projek ini dapat diterima baik oleh pihak pengurusan jadual waktu, pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai. Banyak manfaat yang diperolehi dari aplikasi ini. Aplikasi ini mengingatkan para pelajar dan pensyarah tentang pematuhan jadual waktu. Penggunaan aplikasi ini berjaya menaikkan imej kampus dan dapat menaikkan imej kejayaan akademik para pelajar. Pengkaji menghasilkan aplikasi Poly 4fessor Alert seperti rajah di bawah dengan menggunakan platform Wordpress. Aplikasi Poly 4fessor Alert ini dibina untuk mengatasi masalah disiplin para pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai. Aplikasi ini memberikan penyelesaian dalam mematuhi tempat dan masa yang betul seperti yang telah ditetapkan dalam jadual waktu di Politeknik Seberang Perai.



Rajah 4.11: Fasa Pertama Penghasilan Aplikasi Poly 4fessor Alert.

4.2.4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA

Pengkaji telah menjalankan soal selidik kepada 20 orang pengguna untuk mencari penambahbaikan yang diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan aplikasi Poly 4fessor Alert. Majoriti responden menyatakan aplikasi ini amat berkesan dan amat memuaskan.

Secara kesimpulannya, tiada sebarang penambahbaikan dibuat untuk aplikasi ini kerana responden telah menyatakan bahawa sistem sedia ada jelas dapat mendisiplinkan para pelajar dan pensyarah mengenai

. Selain itu, para responden juga tidak memberi sebarang cadangan penambahbaikan dan perkara ini menunjukkan bahawa aplikasi ini amat bermanfaat.

4.3 ANALISIS KEWANGAN

Pengkaji telah menganalisis penglibatan beberapa kos sepanjang projek dijalankan dalam menyediakan dan menghasilkan aplikasi Poly4fessor Alert. Analisis kewangan telah dilakukan oleh pengkaji dalam merangkumi aspek kos penghasilan projek secara per unit dan penetapan harga seunit sekiranya produk ini ingin dikomersialkan.

4.3.1 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan produk diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses pembuatan bahan inovasi. Bahan-bahan input disenaraikan dan dinyatakan kos per unit yang terlibat sebelum mengambil kira jumlah kos penghasilan projek per unit yang terlibat sebelum mengambil kira jumlah kos penghasilan projek per unit. Perbandingan kos penghasilan aplikasi Poly4fessor Alert semasa di fasa pertama dan aplikasi Poly4fessor Alert semasa di fasa kedua adalah seperti jadual di bawah.

4.3.2 KOS PENGHASILAN PROJEK PER UNIT

Bil	Butiran	Kos (RM)
1	Polyfessor Alert file. APK	RM 500
2	Data mudah alih	-
3	Pengangkutan	-
4	Kos cetakan (Printing)	-
	Jumlah kos	RM 500

Jadual 4.1 kos penghasilan projek

4.3.3 PERLETAKKAN HARGA PROJEK

Setelah kos penghasilan projek dikira, perletakan harga ditentukan bagi aplikasi POLY 4FESSOR yang dihasilkan. Kos pembuatan sebanyak RM500.00 telah dikeluarkan bagi penghasilan projek ini. Harga bagi aplikasi ini adalah sebanyak RM 500.00 telah ditentukan hasil perbincangan dan ditentukan oleh para pengkaji berdasarkan system apa yang telah digunakan. Selain itu, aplikasi POLY 4 FESSOR ini menggunakan perisian apps yang mudah didapati dan juga mampu milik untuk para pembeli kelak.

4.3.4 JUSTIFIKASI KOS PERLAKSANAAN PROJEK

Kos pelaksanaan projek ialah RM500. Cadangan bagi perletakan harga projek adalah sebanyak RM 1000.00 setelah dibincangkan dan diteliti oleh para pengkaji berdasarkan sistem yang telah digunakan. Hal ini kerana harga aplikasi ini telah ditentukan berdasarkan kombinasi kos penggunaan yang diperlukan , tenaga dan masa ahli para pengkaji yang telah diluahkan sepanjang projek ini dilaksanakan dari permulaan sehingga projek ini disiapkan untuk digunakan kepada para pelajar dan pensyarah.

4.4 IMPAK PROJEK INOVASI

Inovasi dalam penghasilan aplikasi ini diperincikan kepada tiga bentuk impak dari aplikasi yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian ini. Berikut adalah impak mengikut topik perbincangan ini.

A) Impak Produk Terhadap Masa.

Penggunaan aplikasi Poly 4fessor Alert ini telah membantu para pelajar dan pensyarah dalam mngatasi masalah lewat ke kuliah . Hal ini kerana, penggunaan aplikasi ini dapat memudahkan pelajar dan pensyarah untuk lebih peka dengan jadual kuliah yang ditetapkan dengan hanya menggunakan aplikasi Poly 4Fessor Alert. Masalah pengiraan penjimatan masa berdasarkan pemerhatian pengkaji adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 4.2: Impak produk terhadap masa .

Pekara	Secara Tradisional	Secara Penggunaan Aplikasi
Masa pelajar dan pensyarah untuk membuka jadual waktu kuliah	5-10 Minit	1-3 Minit

b) Impak produk terhadap kos. Perbelanjaan dalam menghasilkan inovasi aplikasi Poly 4Fessor Alert ini ialah sebanyak RM500. Oleh itu, ia juga boleh dikategorikan sebagai penjimatan kos inovasi kerana inovasi ini dicipta dengan kaedah yang menggunakan kos mampu milik. Akhir sekali, penggunaan aplikasi ini adalah hanya dengan menggunakan rangkaian internet dalam kalangan pengguna.

c) Impak terhadap keberkesanan penggunaan produk. Keberkesanan penggunaan perkhidmatan dapat dilihat dari segi kemudahan kepada pelajar dan pensyarah dengan dapat hadir ke bilik kuliah dengan lebih awal. Hal ini kerana, produk inovasi ini mempunyai ciri yang bermutu tinggi. Aplikasi ini hanya boleh dimuat turun dalam telefon mudah alih dan ianya juga mudah untuk dikendalikan di mana jua. Selain itu, produk inovasi aplikasi Poly 4Fessor Alert ini sangat membantu para pelajar dan pensyarah untuk tidak lewat hadir ke kuliah. Di samping itu, aplikasi Poly 4Fessor Alert ini juga mempunyai maklumat seperti jadual waktu kuliah setiap kelas dan tempat perjumpaan (bilik kuliah) untuk mengelakkan pelajar dan pensyarah tidak akan lewat ke kuliah dan tersalah tempat perjumpaan.

Jadual 4.3: Impak terhadap keberkesanan penggunaan produk

Aspek	Sebelum	Selepas
Kepuasan Bagi Pelajar Dan Pensyarah	Memuaskan	Amat Baik
Keselamatan Maklumat Peribadi Pengguna	Memuaskan	Lebih Selamat

4.5 PENGKOMERSIALAN

Mengenal pasti pasaran sasaran merupakan langkah yang sangat penting dalam membincangkan rancangan pengkomersialan. Sasaran bagi pengguna utama bagi aplikasi Poly 4 Fessor Alert adalah lebih kepada pengguna perkhidmatan jadual waktu kuliah Politeknik Seberang Perai kerana melalui pemerhatian dan soal selidik, pengkaji mendapati aplikasi Poly 4 Fessor Alert ini merupakan sistem aplikasi yang dapat membantu pengguna perkhidmatan Politeknik Seberang Perai untuk melihat system jadual. Dengan adanya aplikasi Poly 4 Fessor Alert masalah yang dihadapi oleh pengguna dalam berurusan untuk menggunakan perkhidmatan jadual Politeknik Seberang Perai lebih mudah berbanding perlu beratur untuk membuat tempahan dan membayar makanan. Seterusnya, setelah aplikasi Poly 4 Fessor ini berjaya dicipta dan inovasi ini juga akan diperkenalkan kepada pengendali jadual bagi Jabatan Perdagangan. Namun begitu, aplikasi ini juga boleh disebarluaskan secara meluas bagi menjadikan satu contoh untuk memudahkan para pelajar dan pensyarah di seluruh Malaysia.

4.6 RUMUSAN BAB

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan dari hasil dapatan dari soal selidik dan dapatan kajian yang telah dilakukan pada peringkat pertama dan peringkat kedua. Bab ini juga membincangkan tentang impak inovasi yang telah dihasilkan. Aplikasi Poly 4 Fessor Alert ini telah berjaya dimurnikan dengan kos RM500 dan boleh dikomersialkan.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan kesimpulan dan cadangan projek daripada projek yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan yang diambil oleh analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, ancaman, peluang) untuk menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Kajian ini mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang projek inovasi juga turut dinyatakan.

5.2 KESIMPULAN KESELURUHAN PROJEK INOVASI

Kesimpulan projek inovasi ini mengemukakan rumusan secara keseluruhan projek yang telah dilaksanakan, hasil dan pencapaian projek sama ada mencapai objektif, perancangan dan harapan untuk projek yang akan datang. Kelemahan dan kelebihan dinyatakan secara ringkas dan tepat. Penemuan projek ini disimpulkan dengan objektif dan persoalan projek. Kesimpulan daripada projek ini dilakukan berdasarkan analisis SWOT yang tersedia oleh pengkaji. Berikut merupakan jadual analisis SWOT yang menjelaskan kesimpulan keseluruhan projek.

Kekuatan (Strength)	Kelemahan (Weakness)	Peluang (Oppurtunities)	Ancaman (Threats)
<ul style="list-style-type: none"> • Membantu mengingatkan para pelajar dan pensyarah tentang jadual waktu kelas yang akan berlangsung dan memberitahu tempat dan masa perjumpaan. • Pelajar dan pensyarah akan mendapat notifikasi sebelum kelas bermula. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyukarkan notifikasi sampai kepada telefon bimbit pengguna sekiranya bateri telefon bimbit telah kehabisan. • Ketiadaan internet akan menyekat penggunaan aplikasi ini dan menyebabkan sistem akan tergendala 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat membantu para pelajar dari segi disiplin dan tidak lewat hadir ke kuliah. • Meningkatkan imej kampus. • Meningkatkan kejayaan akademik pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Muat turun dan pemasangan melalui fail apk dan tidak boleh dimiliki melalui PlayStore dan Apple Store. • Penggodam maklumat • Kebocoran data

Jadual 5.1 Analisis SWOT

Kesimpulannya, aplikasi Poly 4fessor Alert ini telah diterima baik oleh warga Politeknik Seberang Perai. Pada awalnya permulaan projek ini terdapat sedikit masalah seperti cara penggunaan dan pengetahuan tentang IT, projek ini akhirnya telah ditambah baik dan dapat diterima baik oleh pemilik dan pekerja. Projek ini sememangnya memerlukan jangka masa yang lama untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dengan adanya kerjasama yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan yang dibimbing oleh penyelia projek, projek ini berjaya dibangun dan disiapkan dengan

jayanya bagi membantu para pelajar dan pensyarah lebih berdisiplin mematuhi jadual waktu. Pelbagai kajian dan kaji selidik yang telah dijalankan ke atas projek ini, pengkaji mendapati bahawa penggunaan aplikasi Poly 4fessor Alert ini berjaya membantu pelajar dan pensyarah mematuhi jadual waktu serta sentiasa menghadiri kuliah dan memberi kesan yang baik dan positif. Keseluruhannya, projek ini telah memenuhi kriteria atau objektif projek kerana dapat mengingatkan para pelajar dan pensyarah Politeknik Seberang Perai untuk mengikuti ketetapan jadual waktu.

Berdasarkan analisis SWOT di Jadual 5.1 dari segi kekuatan, aplikasi Poly 4fessor Alert ini Membantu mengingatkan para pelajar dan pensyarah tentang jadual waktu kelas yang akan berlangsung dan memberitahu tempat dan masa perjumpaan. Di samping itu, Pelajar dan pensyarah akan mendapat notifikasi sebelum kelas bermula. Selain itu, aplikasi ini dapat mengelakkan pelajar dan pensyarah tersalah bilik kuliah dan jabatan kerana aplikasi ini mempunyai maklumat yang tepat dan memberi notifikasi yang jelas. Dengan menggunakan aplikasi ini, pelajar dan pensyarah tidak akan membazirkan masa untuk mencari bilik kuliah atau jabatan yang tepat kerana mereka tidak akan tersalah bilik kuliah atau jabatan.

5.3 CADANGAN

Bahagian cadangan ini akan dipecahkan kepada dua bahagian iaitu cadangan penambahbaikan projek inovasi dan cadangan mengkomersialkan projek inovasi.

5.3.1 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROJEK INOVASI

Cadangan penambahbaikan ialah penyenaian idea baharu atau cadangan beberapa projek atau kajian lanjutan untuk memantapkan lagi dapatan kajian dalam bidang yang dikaji. Dalam cadangan ini ada beberapa penambahbaikan.

Pertama, penghasilan projek ini dijalankan dalam tempoh lebih lama dan teliti untuk meningkatkan kualiti penghasilan aplikasi. Pengkaji melakukan penambahbaikan untuk memudahkan penggunaan aplikasi. Pengkaji telah membawa aplikasi ke Play Store dan App Store bagi memudahkan pengguna aplikasi supaya boleh memuat turun dengan cara yang senang tanpa menggunakan fail APK.

Cadangan kedua adalah untuk menambah ciri tambahan dalam aplikasi Poly4fessor Alert untuk meningkatkan tahap penggunaan aplikasi. Ciri yang perlu ditambah untuk Poly4fessor Alert ialah mempunyai petak ulasan, di mana pelanggan boleh memberi ulasan terhadap sama ada aplikasi Polyfessor Alert ini memberi notifikasi kepada pelajar dan pensyarah pada masa yang tepat.

5.3.2 CADANGAN PENGKOMERSIALAN PROJEK INOVASI

Aplikasi POLY 4 FESSOR ini mempunyai kebaikan dan objektif yang boleh dikomersialkan kepada pihak institusi pengajian yang lain dalam membantu menyelesaikan permasalahan pesanan makanan. Aplikasi ini berpotensi untuk dikenali dalam pasaran kerana melalui aplikasi ini pengguna boleh memesan makanan dengan lebih cepat. Dengan ciri aplikasi ini boleh turut diguna pakai oleh mana-mana institusi pengajian yang menjalankan aktiviti pelajaran dan pembelajaran (PDP)

5.4 LIMITASI PROJEK

Para pengkaji juga menghadapi implikasi atau halangan dalam menjalankan kajian ini. Limitasi merupakan implikasi terhadap bidang kajian yang dikemukakan. Kajian projek hanya dijalankan di Politkenik Seberang Perai, Pulau pinang. Lokasi yang dipilih adalah untuk memudahkan penyelidikan secara saintifik, dapat menjimatkan kos secara keseluruhan dan kajian lebih focus kepada satu lokasi sahaja iaitu Jabatan Perdagangan. Selain itu, aplikasi POLY 4 FESSOR terhad hanya digunakan untuk satu jabatan sahaja. Di samping itu, kaedah pengumpulan data dan kaji selidik hanya dilakukan melalui google form.

5.5 RUMUSAN

Sebelum aplikasi Poly4fessor Alert diwujudkan, pengguna memerlukan masa yang lama untuk mengetahui antara kelas akan diadakan atau tidak sekiranya pensyarah terlupa. Sehubungan dengan itu, terdapat juga pelajar yang tidak mengingatkan pensyarah jika pensyarah terlupa. Selepas wujudnya aplikasi Poly4fessor Alert ini ia dapat menjimatkan masa pelajar dan memudahkan komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Di samping itu, projek aplikasi Poly4fessor Alert yang dibangunkan ini mempunyai banyak kelebihan. Walaupun di peringkat awalnya pembinaan inovasi terdapat sedikit kekurangan, pengkaji berjaya menambah baik aplikasi itu supaya mempunyai fungsi yang pelbagai. Kesimpulan yang boleh dibuat, aplikasi Poly4fessor Alert ini dapat memberikan banyak kemudahan kepada pengguna dalam mengurangkan masalah-masalah masa. Dengan adanya aplikasi ini ia akan menaikkan imej perniagaan dan dapat meraih keuntungan kepada Politeknik Seberang Perai

. RUJUKAN

1.2 Latar Belakang Kajian

- 1) Nuraini Zulkifli. (2015, February 5). Retrieved November 9, 2022, from https://www.academia.edu/10539055/Disiplin_dan_Pelajar

Bab 2.2.3 aplikasi penyelesaian masalah harian

- 1) Astroawani.com. (n.d.). Retrieved November 1, 2022, from <https://www.astroawani.com/video-malaysia/derma-organ-aplikasi-mysejahtera-ditambah-ciri-memudah-orang-ramai-1985698>

Bab 2.2.1 Keperluan Aplikasi

- 2) Azmi, N. A. N. (2021, December 10). 'Tolong lanjutkan tempoh, kami nak bayar saman.' Kosmo Digital. <https://www.kosmo.com.my/2021/12/10/tolong-lanjutkan-tempoh-kami-nak-bayar-saman/>

CARTA GANTT



GANTT CHART
DPB50163 BUSINESS PROJECT
SESSION 1 2022/2023

CONTENT	DATE/WEEK															
	15/08-21/08	22/08-22/08	29/08-04/09	05/09-11/09	12/09-18/09	19/09-25/09	26/09-02/10	03/10-09/10	10/10-16/10	17/10-23/10	24/10-30/10	31/10-06/11	07/11-13/11	14/11-20/11	21/11-27/11	28/11-04/12
	W1	W2	W3	W4	W5	W6	W7	W8	W9		W10	W11	W12	W13	W14	
1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT																
Introduction to types of project which can be implemented in the business field.	R					P					M				V	F
Formation of groups	E					R					I				I	I
Prepare the supplementary materials	G					O					D				V	N
2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING	I					P									A	A
Propose a suitable topic for the project	S					O					S					L
Produce new innovation for business product/services	T					S					E				P	
Prepare elements of situational analysis	R					A					M				R	S
3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL	A					L					E				E	U
Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project	T										S				S	B
Explain the contents of project proposal	I										T				A	M
Construct a Gantt chart (time frame)	O										E				N	I
Apply the writing format	N										R				T	S
4.0 PROJECT IMPLEMENTATION															A	S
Accomplish Business Project within the time frame						P					B				T	I
Describe the the project over view	W					R					R				I	O
Identify problems/ issues of business.	E					E					E				O	N
Conduct situational analysis:SWOT/PEST/SC's/Porter 5 Forces analysis or any other methods.	E					S					A				N	
Recognize background and current business situation.	K					A					K					
Conduct data analysis and interpretation.						N										
Write recommendations and suggestions to address the issues.						T										
5.0 BUSINESS PROJECT REPORT						A										
Identify the requirements to produce a complete report						T										
Prepare a report based on the given business project format						I										
State the description of the project						O										
State the findings and results.						N										
Summarise the project results.																
Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.																
Create data visualisation to present the results																
Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.																
List the references used in producing the report.																
6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION																
Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.																
Demonstrate a capacity to communicate project result																
Create effective visual aids to enhance presentation																
Demonstrate effective application of multimedia audio visual aids																
Show the viability of the proposed solutions to address the business issue																